

SURAT PEKELILING BERSAMA NO.16/2021

**KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Negeri/ Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri/ Persekutuan**

**PERKARA: PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN
DI SARAWAK DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) DIPERKETATKAN**

RUJ.KAMI: JKM/SUK/100-1/9 Vol.2 (27)

TARIKH: 24 Mei 2021

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berikutan situasi semasa pandemik COVID-19 di Sarawak yang semakin meruncing, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri pada 23 Mei 2021 telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan beberapa peraturan yang lebih ketat.

3. Selaras dengan keputusan ini, semua Ketua Jabatan harus memastikan operasi Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan menggunakan pendekatan berikut:

- 3.1 Kehadiran di pejabat secara keseluruhannya adalah pada tahap 20% daripada jumlah kakitangan dan 80% lagi secara BDR dengan sistem penggiliran. Walau bagaimanapun, perkhidmatan *frontliners*, perkhidmatan perlu dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam program COVID-19 tidak tertakluk di bawah peraturan ini;
- 3.2 Kehadiran di pejabat juga hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat;
- 3.3 Mesyuarat dan perbincangan hanya boleh dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
- 3.4 Perkhidmatan kaunter hanya dibuka kepada perkhidmatan yang tidak ditawarkan secara atas talian dan melalui temujanji sahaja; dan

3.5 Penjawat awam yang bertugas secara BDR diwajibkan untuk sentiasa berada di kediaman masing-masing sepanjang waktu pejabat. Penjawat awam adalah tidak dibenarkan membuat urusan peribadi seperti mengunjungi kompleks beli belah, membeli barangan keperluan di mana-mana pasar raya dan sebagainya semasa BDR dan sepanjang waktu pejabat.

4. Ketua Jabatan hendaklah menggunakan hemat dan kebijaksanaan dalam merancang keperluan sumber manusia demi memastikan kehadiran kakitangan di pejabat dapat diminimumkan melalui sistem penggiliran dan memastikan kakitangan yang BDR turut melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan Arahan Dalaman dengan memperincikan keutamaan mengikut peranan agensi masing-masing.

5. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 8 Tahun 2021 – Pelaksanaan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) Bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS)**, yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi oleh semua penjawat awam negeri. Sebarang salah laku dan ketidakpatuhan terhadap pelaksanaan dasar BDR akan membolehkan seseorang penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib di bawah Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996 dan Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, 1996.

6. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Sarawak akan terus berjalan seperti biasa untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada rakyat. Pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri amatlah dikehendaki bagi memastikan keluk jangkitan virus COVID-19 dapat dilandaikan.

7. Semua Ketua Jabatan dan penjawat awam adalah disarankan untuk sentiasa peka dan membuat penyesuaian terhadap perubahan peraturan dan SOP yang dikeluarkan terutamanya perbezaan SOP antara satu zon dengan satu zon yang lain, mengikut situasi pandemik COVID-19.

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh 25 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021. Tertakluk kepada keputusan dan arahan semasa oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, pekeliling ini akan digunapakai sekiranya PKPB dilanjutkan.

Sekian, terima kasih.

“Lindung Diri Lindung Semua”
“Kita Jaga Kita”



DATUK AMAR JAUL SAMION
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



DATO' AMIR BIN OMAR
Setiausaha Persekutuan Sarawak